

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan agenda dasar Kerajaan terdahulu berkenaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta apakah hala tuju baharu bagi tempoh jangka masa panjang yang ingin diperkenalkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) ini adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar untuk semua rakyat pada tahun 2030 dengan tiga objektif utamanya iaitu pembangunan untuk semua (menstruktur ekonomi), menangani jurang kekayaan dan pendapatan (menangani ketidaksamaan) dan menjadikan negara yang bersatu, makmur dan bermaruah (membina negara).

SOALAN NO : 19

WKB 2030 yang dimulakan pada 2019 di bawah pentadbiran Perdana Menteri ke 7 dan telah menjadi dasar kepada pembentukan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) serta dasar-dasar sektoral yang lain. Kerajaan telah merancang pelaksanaan WKB 2030 ini melalui dua pelan pembangunan iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Dua belas (12) bab dalam dokumen RMKe12 yang dijadual dibentangkan pada 27 September 2021 telah diselaras dan dijajarkan dengan tujuh (7) Teras Strategik, lapan (8) Pemboleh Daya dan sepuluh (10) Sasaran WKB 2030. WKB 2030 ini juga adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan terhadap pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 ataupun *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030 yang diperkenalkan oleh *United Nations* di mana matlamatnya juga adalah untuk pembangunan sesebuah negara secara inklusif.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar WKB 2030 ini adalah wawasan yang inklusif dan akan terus mengutamakan pembangunan sosial dan ekonomi terhadap golongan yang memerlukan dan di samping itu akan terus memberi galakan kepada masyarakat yang berkemampuan untuk bersama-sama membina negara dan memakmurkan ekonomi. WKB 2030 ini masih relevan sebagai dasar yang akan memacu negara dalam membentuk ekonomi, mengagih kekayaan, membangunkan infrastruktur, menjana kesejahteraan sosial serta memupuk semangat perpaduan dalam acuan Keluarga Malaysia. WKB 2030 ini akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di mana pengagihan ekonomi adalah Lebih adil dan saksama demi kemakmuran bersama.